

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 JULY 2017

PM rasmi Kompleks Islam Putrajaya

UM-19/7/2017 Pg. 3

PUTRAJAYA 18 Julai - Kompleks Islam Putrajaya merupakan mercu tanda yang tidak hanya sekadar keunggulan seni bina dan prasarana malah merupakan perlambangan terhadap ketinggian martabat Islam di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kompleks berkenaan merealisasikan agenda pembangunan negara berteraskan Islam yang syumul serta membuktikan penghayatan Islam sebagaimana kedudukannya sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan negara.

“Dengan kompleks begini indah, apakah ini gambaran negara gagal, apakah ini gambaran pentadbiran muflis, adakah ini membawa kepada Malaysia yang hancur dan perlu diselamatkan, inilah contoh kehebatan dan keunggulan negara Malaysia yang boleh kita banggakan.

“Semoga Allah memberkati segala usaha perjuangan kita, insya-Allah kita akan membawa dan meletakkan agama Islam di martabat tertinggi di bumi Malaysia yang tercinta ini,” katanya ketika merasmikan Kom-

pleks Islam Putrajaya di Presint 3, di sini hari ini.

Dalam majlis berkenaan, Perdana Menteri turut menyempurnakan Pusat Kewangan Islam (IFiC) yang dikelolakan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dalam kompleks berkenaan sebagai pusat sehati untuk pelbagai urusan termasuk permohonan sijil halal, urusan haji dan umrah, perkhidmatan kewangan dan perbankan Islam serta urusan kekeluargaan Islam.

Najib juga menyempurnakan pelancaran Garisan Panduan Umum Tadbir Urus Berteraskan Syariah (GTU-s) yang akan dijadikan rujukan oleh agensi agama Islam untuk operasi pengurusan organisasi selari dengan kehendak syariah.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.